

WAKAF MUAQQAT MENGIKUT PERSPEKTIF UNDANG-UNDANG DI MALAYSIA: SATU ANALISIS

Waqf *Muaqqat* According to the Malaysian Law Perspective: An Analysis

Siti Mashitoh Mahamood*

*Department of Shariah and Law,
Academy of Islamic Studies, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: mas68@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/syariah.vol33no3.5>

ABSTRACT

Waqf is an important instrument in advancing the socio-economic development of the ummah, founded upon the principle of retaining property for a purpose or for the benefit of beneficiaries in perpetuity. Nevertheless, contemporary developments have demonstrated the need for a more flexible approach through the implementation of waqf muaqqat (temporary waqf). This article seeks to analyse the application of state laws in Malaysia via the enacted legislations relating to waqf, encompassing specific waqf laws, the Administration of Islamic Law statutes and the subsidiary laws currently in force. The juristic views of the fuqaha regarding waqf muaqqat are also examined as the Shariah authority underpinning the Malaysian legal landscape. The study adopts a qualitative research design, employing library research, doctrinal legal research, and the expert method. Data are analysed using the content analysis technique. The findings reveal

five (5) principal variations in the legal application of waqf muaqqat within the existing statutory framework. These encompass both explicit and implicit modes of statutory interpretation, its recognition through non-perpetual categories of property eligible for waqf, and its operationalisation under the classifications of family waqf, charitable waqf, and specific waqf as provided by law. The study further proposes recommendations for legislative reform and statutory amendments aimed at strengthening doctrinal coherence, enhancing regulatory clarity, and ensuring effective and consistent implementation within the Malaysian waqf regulatory framework.

Keywords: *muaqqat waqf, syariah, waqf law, Malaysia*

PENDAHULUAN

Wakaf merupakan antara institusi paling signifikan dalam sistem ekonomi dan sosial Islam yang berperanan sebagai instrumen pengagihan kekayaan serta pemangkin pembangunan ummah secara berterusan bagi tujuan kebajikan. Pelbagai bentuk wakaf telah digunakan untuk tujuan keagamaan, pendidikan, kesihatan dan kebajikan masyarakat. Kini, peranan wakaf telah menjangkau kepada bidang-bidang berkeperluan lain seperti bisnes dan keusahawanan, komersil, pelaburan, pertanian, perhutanan, halal dan lain-lain lagi. Pelbagai produk wakaf dalam bidang-bidang tersebut ada ditawarkan oleh Majlis Agama Islam negeri, agensi kerajaan, badan korporat, NGO dan syarikat yang secara dasarnya berorientasikan manfaat kekal berpanjangan demi kepatuhan kepada prinsip asas wakaf. Namun, penerimaan dan kefahaman tradisional terhadap wakaf yang menekankan unsur kekekalan (*ta'bīd*) ini telah menimbulkan ketidakserasian dalam pelaksanaannya pada era moden. Realiti ekonomi dan sosial semasa, kekangan pemilikan dan pegangan harta serta keperluan pembangunan yang bersifat dinamik menuntut kepada pendekatan yang lebih anjal dalam pemakaian konsep tradisional wakaf berkaitan keperluan kekal di dalamnya. Dalam konteks ini, wakaf muaqqat muncul sebagai satu alternatif yang berpotensi menyelesaikan masalah yang membelenggu pelaksanaan wakaf masakini selain dapat memperluaskan amalan berwakaf dalam masyarakat.

Walaupun wakaf muaqqat mempunyai kedudukannya tersendiri dalam perbahasan fuqaha, namun penerimaannya masih baru di Malaysia. Hanya sebahagian undang-undang negeri mengiktiraf pemakaiannya sehingga kini. Justeru, kajian ini akan menganalisis pemakaian peruntukan undang-undang negeri melalui undang-undang berkaitan wakaf yang dikanunkan meliputi statut wakaf spesifik, statut

Pentadbiran Agama Islam negeri dan undang-undang subsidiari yang berkuatkuasa. Kupasan pandangan fuqaha mengenai wakaf muaqqat turut dipersembahkan sebagai dasar autoriti syariah yang melatari lanskap perundangan negara. Penglibatan penulis dalam bidang perundangan wakaf serta pengalaman dalam menggubal undang-undang mengenainya, termasuklah berkaitan wakaf muaqqat akan dimanfaatkan sebaiknya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pengumpulan data dibuat menerusi kaedah kajian kepustakaan (*library research*), kajian penyelidikan undang-undang doktrinal (*doctrinal legal research*) dan kaedah pakar (*expert method*). Dalam kaedah pertama, rujukan dibuat kepada literatur-literatur berkaitan wakaf muaqqat daripada kitab-kitab fiqh, selain karya kontemporari dalam bidang tersebut. Bagi kaedah kedua, rujukan dibuat kepada undang-undang semasa yang berkuatkuasa di negeri-negeri di Malaysia melibatkan statut wakaf spesifik, statut Pentadbiran Agama Islam dan undang-undang subsidiari yang relevan. Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2025 (Akta A1749) dan Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Wakaf) 2025 yang baru sahaja digazet dan berkuasa turut dirujuk. Kaedah ketiga, iaitu kaedah pakar pula melibatkan Kaedah Pakar Penyelidik¹ yang mana kepakaran & pengalaman penyelidik, iaitu penulis sendiri² telah digunakan dalam persembahan data di mana ianya

¹ Kaedah Pakar Penyelidik merupakan salah satu kaedah dalam metode Kaedah Pakar (*Expert Method*). Metode ini pernah digunakan dalam Siti Mashitoh Mahamood, Asmak Binti Ab Rahman, Azizi Bin Che Seman, Mushaddad Hasbullah, Mohd Daud Awang (2024), Kajian Pelaksanaan Wakaf Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan & Inovasi (R&D&C&I) Untuk Pemerkasaan Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana (PMKS) (EPU.S.11-107/271/1 JILID 9(62)/UM.GA039-2023) tajaan Kementerian Ekonomi. Metode ini bukan sahaja boleh digunakan dalam pengumpulan data, namun ia juga dapat dimanfaatkan ketika analisis data dibuat.

Kaedah lain dalam metode Kaedah Pakar adalah Kaedah Pakar Responden Kajian di mana kepakaran & pengalaman responden kajian telah digunapakai sebagai sebagai salah satu metode pengumpulan data. Contohnya, penglibatan Mufti, Hakim, Pensyarah Pakar dan lain-lain lagi yang diiktiraf kepakarannya dalam masyarakat/institusi atau dalam kalangan *peers*.

² Contohnya pengalaman dan penglibatan penulis, antara lain, sebagai Ahli Jawatankuasa Undang-Undang Majlis Agama Islam Selangor dan Pasukan Petugas (*Task force*) Berhubung Dengan Pemerkasaan Governan Harta Orang Islam JAKIM yang terlibat dalam semakan dan penggubalan undang-undang berkaitan wakaf dan wakaf muaqqat, Ahli Jawatankuasa Syariah

merupakan *added value* kepada kandungan artikel ini supaya kupasan yang dibuat menjadi lebih bermakna, berautoriti dan berjustifikasi.

Data yang dikumpulkan telah dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan (*Content Analysis*) menerusi metode Analisis Tematik Normatif (*Normative Thematic Analysis*). Metode Analisis Tematik Normatif dalam konteks kajian ini menumpukan kepada pemakaian prinsip Syariah dalam peruntukan undang-undang, rasional legislatif (*legislative intent*) serta nilai normatif melibatkan keperluan atau masalah semasa yang melatari keperluan kepada wakaf muaqqat. Kaedah pakar (*expert method*) melibatkan Kaedah Pakar Penyelidik yang disebutkan tadi turut digunakan dalam analisis yang dibuat. Proses analisis ini melibatkan pengkategorian data ke dalam tema-tema utama yang dikenal pasti secara sistematik, seterusnya membolehkan dapatan yang signifikan dan bermakna bagi menyokong kerangka analisis yang dibangunkan dalam kajian ini.

WAKAF MUAQQAT, PENGEKALAN *MAWQUF* DAN UNDANG-UNDANG

Wakaf secara umumnya dapat difahami sebagai suatu serahan harta daripada pewakaf kepada penerima wakaf untuk tujuan yang sah dan dibenarkan mengikut Hukum Syarak untuk dimanfaatkan secara kekal. Pengurusannya diserahkan kepada mutawalli atau *al-mutawalli* untuk mentadbir *mawquf*, iaitu harta yang diwakafkan berdasarkan ketetapan pewakaf (jika ada) atau mengikut apa-apa cara yang sah dan tidak melanggar prinsip wakaf. Dalam konteks kenegaraan, mutawalli perlu melaksanakan tugasannya selaras dengan undang-undang, fatwa dan polisi yang berkuatkuasa.

Prinsip utama dalam wakaf menekankan elemen kekal (*perpetuity*) dan ini selaras dengan pegangan Mazhab Shafi'i³ yang menjadi rujukan utama amalan masyarakat dan pemerintah negara.⁴ Wakaf muaqqat yang menjadi fokus artikel ini merupakan suatu wakaf

yang meluluskan produk wakaf dan wakaf muaqqat dan pakar rujuk institusi serta saksi pakar (*expert witness*) mahkamah berkaitan kes melibatkan wakaf muaqqat dan lain-lain lagi.

³ Lihat misalnya Sulaymān al-Bujayrimī, *Hāshiyat al-Bujayrimī 'alā al-Khaṭīb*, vol. 3 (Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa-Awladuh, n.d.); Muḥammad al-Shirbīnī al-Khaṭīb, *Al-Iqnā' fī Ḥall Alfāz Abī Shujā'*, Juz 2 (ttp: Dār al-Fikr, n.d.); Muḥammad al-Zuhaylī, *Al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*, Juz 3 (Dimashq: Dār al-Qalam, 2007).

⁴ Lihat misalnya Seksyen 26(1) Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 (Enakmen 10) (Qaul muktamad hendaklah diikuti) dan Seksyen 54(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen 1) (Qaul muktamad yang hendaklah diikuti).

yang berbeza dengan konsep dasar yang disebutkan di atas. Ianya membenarkan suatu wakaf dibuat secara bertempoh atau sementara di mana autoriti utama dibuat berlandaskan pandangan muktamad Mazhab Maliki.⁵ Meskipun wakaf muaqqat merupakan kategori yang bertentangan secara nyata dengan wakaf kekal yang menjadi asas utama yang difahami ramai, namun dalam konteks masakini, terdapat negeri yang telah meluluskan fatwa⁶ mengenainya dan undang-undang juga ada dikanunkan di sebahagian negeri-negeri di Malaysia. Realiti ini telah memberi paradigma baru kepada amalan berwakaf masyarakat yang dulunya lebih berpaksikan kepada wakaf kekal.

Pelaksanaan wakaf muaqqat ternyata dapat memberi banyak kebaikan kepada masyarakat⁷ dan benefisiari selain pewakaf sendiri. Ia dapat memperluaskan amalan berwakaf dalam masyarakat, menjadi solusi kepada isu baru berbangkit yang memerlukan penyelesaian segera,⁸ dapat mengambilkira kehendak pewakaf⁹ dalam memilih instrumen wakafnya, memberi manfaat kepada penerima (benefisiari) menggunakan *mawquf* dalam tempoh tertentu yang dibenarkan, selain selaras dengan *nature* beberapa jenis harta yang dibenarkan undang-undang mewakafkannya seperti wakaf manfaat, wakaf kepakaran dan perkhidmatan¹⁰ yang sememangnya bercirikan sementara ataupun tempoh yang tidak kekal. Pihak pengurusan wakaf ataupun mutawalli juga dapat mempertingkatkan profesionalismenya dalam melaksanakan amanah yang ditetapkan pewakaf dalam aspek pengurusan aset, kewangan, pelaporan, pemantauan dan pentadbiran kerana mereka perlu

⁵ Lihat perbincangan pada tajuk Pandangan Fuqaha Mengenai Wakaf *Muaqqat*.

⁶ Contohnya seperti di Wilayah-Wilayah Persekutuan sebagaimana yang diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali ke-151 yang diadakan pada 3-5 November 20225 di Hotel Grand Lexis, Port Dickson.

⁷ Muhamad Firdaus Ab Rahman, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi & Zameer Najmi Azhar, "Analisis Hukum dan Fisibiliti Wakaf Muaqqat di Negeri Sembilan," *Journal of Awqaf, Zakat and Hajj (JAWHAR)*, 3(1) (2025), 58-85.

⁸ Johari, Wahidin, Maghfirah, Zulkifli, Mawardi, & Ahmad Maulidizen, "The Role of Temporary Waqf in Improving the Social Welfare of the Muslim Community," *Journal of Ecohumanism* 3(8), (2024): 2578-2587; Moath Alnaief, Kotb Rissouni, Reda Ibrahim Abdelgalil, dan Maryam Almansoori, "New Issues in Temporary Muslim Endowments (Waqfs)," *ISRA International Journal of Islamic Finance (IJIF)* 16(1), (2024): 136-152.

⁹ Noor Ain Alin @ Nordin, Asmak Ab Rahman & Raditya Sukmana, "Aplikasi Wakaf Mu'aqqat di Malaysia: Analisis Kritikal Dari Perspektif Pembangunan Ekonomi Islam," *Jurnal Syaria,h* 33(1), (2025): 1-27.

¹⁰ Lihat misalnya Seksyen 2(1) Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15).

membuat perancangan penggunaan *mawquf* dengan teliti dalam tempoh yang ditetapkan oleh pewakaf.¹¹

PENGENALAN WAKAF MUAQQAT

Wakaf muaqqat diambil daripada dua kalimah arab, iaitu, "*waqf*" atau "*al-waqf*" dan "*mu'aqqat*" atau "*al-mu'aqqat*" yang bermaksud wakaf dan bertempoh. Apabila kedua-duanya digabungkan, ia menjadi "*wakaf muaqqat*" ataupun "*al-waqf al-mu'aqqat*". Wakaf muaqqat adalah bentuk wakaf yang mempunyai had masa tertentu sebagaimana ditetapkan oleh pewakaf. Ia sering dirujuk sebagai wakaf sementara atau wakaf bertempoh kerana pelaksanaannya terhad kepada suatu tempoh dan tidak bersifat kekal. Setelah tamat tempoh yang dipersetujui, harta yang diwakafkan (*mawquf*) akan diserahkan semula kepada pewakaf¹² atau warisnya,¹³ atau pihak lain¹⁴ yang telah ditentukan mengikut syarat yang ditetapkan.

PANDANGAN FUQAHA MENGENAI WAKAF MUAQQAT

Wakaf muaqqat merupakan suatu wakaf yang telah diiktiraf keesahannya mengikut sebahagian pandangan fuqaha khususnya pandangan muktamad dalam Mazhab Maliki. Namun, majoriti fuqaha tetap berpegang dengan keperluan wakaf secara kekal. *Qaul* muktamad Mazhab Maliki membenarkan wakaf dibuat secara bertempoh atau sementara. Ianya didasarkan, antara lain, kepada pegangan mereka bahawa syarat *ta'bid* (التأيد/تأيد) tidak diperlukan untuk mengesahkan sesuatu wakaf. Imam Malik sendiri berpandangan wakaf *muaqqat* dibolehkan supaya dapat memperluaskan amalan berwakaf dalam kalangan masyarakat.¹⁵ Imam Abu Hanifah juga menyokong pandangan Mazhab Maliki dan membolehkan sesuatu wakaf dihadkan tempoh masanya.¹⁶ Mengikut mereka juga, harta wakaf boleh dijual dalam

¹¹ Noor Ain Alin @ Nordin, Asmak Ab Rahman & Raditya Sukmana, "Aplikasi Wakaf Mu'aqqat di Malaysia: Analisis Kritikal Dari Perspektif Pembangunan Ekonomi Islam," *Jurnal Syaria*, h 33(1), (2025): 1–27.

¹² Wahbah al-Zuhayli, *Al-Waṣāyā wa al-Waqf fī al-Fiqh al-Islāmī* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1987), 205; Muhamad Firdaus Ab Rahman and Muhammad Amanullah, "Al-Waqf al-Mu'aqqat: Dirāsah Ta'ṣiliyyah Fiqhiyyah," *Ulūm Islāmiyyah* 21 (2017): 121–139.

¹³ Muhamad Firdaus Ab Rahman and Muhammad Amanullah., *ibid*.

¹⁴ Wahbah al-Zuhayli, *Al-Waṣāyā wa al-Waqf fī al-Fiqh al-Islāmī* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1987), 205.

¹⁵ Al-Zuhayli, *ibid.*, 205.

¹⁶ *Fatawā Hindiyyah*, ed. ke-4, vol. 2 (Bayrūt: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī, n.d.), 357; Tanzil ur-Rahman, *A Code of Muslim Personal Law*, vol. 2, edisi pertama (Karāchī: Islamic Publishers, 1980), 116; Al-Zuhayli, *ibid*.

keadaan yang diperlukan.¹⁷ Selain Imam Abu Hanifah, Imam Abu Yusuf daripada Mazhab Hanafi turut bersetuju dengan wakaf *muaqqat* ini di mana baginya *mawquf* akan dikembalikan kepada waris pewakaf apabila tamat tempoh wakaf.¹⁸

Selanjutnya wakaf *muaqqat* juga disokong oleh Imam Al-Nawawi dan Abu Al-‘Abbas bin Surayj daripada Mazhab Shafi‘i. Sama dengan Imam Abu Yusuf, Al-Nawawi dan Abu Al-‘Abbas menyatakan bahawa suatu wakaf yang dihadkan tempoh masanya akan tamat dengan berakhirnya tempoh yang dinyatakan.¹⁹ Abu Al-‘Abbas berpandangan bahawa seseorang pewakaf itu bukan sahaja dibenarkan untuk bertaqarrub kepada Allah dengan seluruh harta atau separuhnyanya, malah dia juga dibolehkan bertaqarrub kepada Allah sepanjang waktu atau sebahagiannya. Walaubagaimanapun, pandangan ini menyatakan status transaksi tersebut adalah sebagai عارية.²⁰ Begitu juga terdapat dalam kalangan Mazhab Hanbali yang membenarkan wakaf di bawah kategori ini seperti pandangan yang disebutkan oleh Al-Mardawi dalam Al-Insaf.²¹ Data di atas menunjukkan penemuan menarik bahawa kesemua mazhab sebenarnya mempunyai pandangan yang membenarkan wakaf *muaqqat*. Ulama kontemporari seperti Yusuf Al-Qardawi, Wahbah Al-Zuhayli, Muhammad Abu Zahrah dan Sheikh Ali Jum‘ah, turut membenarkan pelaksanaan wakaf *muaqqat* selagimana dilakukan untuk

¹⁷ *Fatawā Hindīyyah*, *ibid.*, 350; Khalīl ibn Ishāq, *Mukhtaṣar Khalīl*, (ttp. ‘Abdullāh al-Yassār al-Tijānī, n.d.), 286; Muḥammad b. Aḥmad al-Mawartānī (al-Dah al-Shanqāyī), *Fath al-Raḥīm ‘alā Fiqh al-Imām Mālik bi al-‘Adillah*, vol. 2, edisi kedua (ttp: Dār al-Fikr, 1974), 166. Al-Zuhayli, *ibid.* Walaubagaimanapun, rujukan kepada Qadi perlu dibuat; lihat perbincangan para sarjana perundangan Islam daripada pelbagai mazhab mengenai isu yang melibatkan pertukaran/penjualan harta wakaf, iaitu *istibdal* dalam Siti Mashitoh Mahamood, *Pelaksanaan Istibdal Dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002) 6-14.

¹⁸ Muhamad Firdaus Ab Rahman and Muhammad Amanullah, “Al-Waqf al-Mu‘aqqat: Dirāsah Ta’šīliyyah Fiqhiyyah,” *‘Ulūm Islāmiyyah* 21 (2017):126.

¹⁹ Abū Zakariyyā Mahyiddīn Yaḥyā ibn Sharaf al-Nawāwī, *Raudhat al-Tālibīn wa ‘Umdat al-Muftīn*, Jil. 2 (Bayrūt, Lubnān: Dār al-Ma‘rifah, 2006), 599; Abū al-Ḥasan ‘Alī ibn Muḥammad ibn Ḥabīb al-Mawārdī al-Baṣrī, *Al-Ḥāwī al-Kabīr*, Jil. 7 (Bayrūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994), 521; Muhammad ‘Ubayd al-Kubaysī, *Aḥkām al-Waqf fī al-Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, Juz. 1 (Baghdād: Maṭba‘ah al-Irshād, 1977), 238.

²⁰ Al-Mawardi *ibid.*; Al-Kubaysi, *ibid.*

²¹ ‘Alā’ al-Dīn Abū al-Ḥasan ibn Sulaymān al-Mardāwī, *Al-Inṣāf* (Bayrūt, Lubnān: Dār al-Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, n.d.), lihat dalam Muhammad Firdaus Ab Rahman and Muhammad Amanullah, “Al-Waqf al-Mu‘aqqat: Dirāsah Ta’šīliyyah Fiqhiyyah,” *‘Ulūm Islāmiyyah* 21 (2017): 127.

memenuhi sesuatu keperluan atau masalah, selaras dengan tujuan kebajikan, serta tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip asas syariah.²²

Pandangan jumhur fuqaha daripada Mazhab Shafi'i, Hanbali dan Hanafi pula tidak membenarkan wakaf muaqqat dan menegaskan keperluan kekal untuk mengesahkan sesuatu wakaf.²³ Antara lain pandangan ini menyatakan bahawa oleh kerana wakaf dibuat atas dasar *qurbah*, justeru adalah tidak dibolehkan menghadkannya kepada suatu tempoh masa. Suatu wakaf bertempoh adalah batal kerana *sighahnya* dianggap rosak dan tidak sempurna (*fasad*). Mereka juga berpegang kepada maksud pensyariatan wakaf yang menetapkan ianya perlu didedikasikan secara kekal.²⁴ Bagi mereka, syarat mengesahkan sesuatu wakaf itu tertakluk kepada keperluan kekal ini. Ianya kerana wakaf adalah di bawah kategori sedekah yang bersifat kekal, bukannya sementara. Oleh itu, wakaf yang dibuat perlu ada tujuan ataupun benefisiari yang tidak mungkin terputus.²⁵ Terdapat juga dalam kalangan Mazhab Maliki yang turut menyokong bahawa wakaf perlu dibuat secara kekal.²⁶ Semua kenyataan di atas juga menunjukkan bahawa kesemua mazhab menyokong pengekalan wakaf. Ini tidak

²² Mohd Firdaus Abd Hamid, "Wakaf Muaqqat dalam Konteks Fiqh Kontemporari", (kertas kerja, Majlis Agama Islam Negeri Johor, Daerah Johor Bahru", 10 September 2024), https://www.researchgate.net/profile/Mohd-Abd-Hamid-3/publication/383909712_Kertas_Kerja_Wakaf_Muaqqat_dalam_Konteks_Fiqh_Kontemporari/links/66e03f28f84dd1716ce2eef7/Kertas-Kerja-Wakaf-Muaqqat-dalam-Konteks-Fiqh-Kontemporari.pdf, akses pada 30 September 2025.

²³ Wahbah al-Zuhayli, *Al-Waṣāyā wa al-Waqf fī al-Fiqh al-Islāmī* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1987), 204-205; Muṣṭafā al-Khinn, Muṣṭafā al-Bughā, dan 'Alī al-Sharbajī, *Al-Fiqh al-Manhajī 'alā Mazhab al-Imām al-Shāfi'ī*, Juz 2, cetakan keenam (Dimashq: Dār al-Qalam, 2005), 229. Lihat hujjah-hujjah yang dikemukakan oleh fuqaha ini dalam Muhammad Firdaus Ab Rahman and Muhammad Amanullah, "Al-Waqf al-Mu'aqqat: Dirāsah Ta'ṣiliyyah Fiqhiyyah," *Ulūm Islāmiyyah* 21 (2017):125.

²⁴ Al-Zuhayli, *ibid.*, h.205.

²⁵ Pandangan ini dikemukakan oleh Imam Muhammad bin al-Hassan al-Shaybani yang merupakan salah seorang sahabat Imam Abu Hanifah daripada mazhab Hanafi. Lihat pandangan ini dalam Muḥammad Amīn Ibn 'Ābidīn, *Hāshiyat Radd al-Muḥtār 'alā al-Durr al-Mukhtār*, edisi kedua, vol. 4 (ttp: Dār al-Fikr, 1966), 348; Burhān al-Dīn Abū al-Ḥasan 'Alī b. Abī Bakr b. 'Abd al-Jalīl al-Rushdānī al-Marghīnānī, *Al-Hidāyah Sharḥ Bidāyah al-Mubtadī*, edisi akhir, vol. 3 (Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh, n.d.), 15; Muḥammad Abū Zahrāh, *Muḥādarāt fī al-Waqf* (ttp: Aḥmad 'Alī Mukhaymar, 1959), 75.

²⁶ Lihat dalam Muhammad Firdaus Ab Rahman and Muhammad Amanullah, "Al-Waqf al-Mu'aqqat: Dirāsah Ta'ṣiliyyah Fiqhiyyah," *Ulūm Islāmiyyah* 21 (2017):125.

menghairankan sama sekali kerana konsep *ta'bid* merupakan dasar asas kepada suatu wakaf.

PENGECUALIAN HUKUM

Terdapat pengecualian hukum daripada permasalahan wakaf muaqqat ini. Menurut Mazhab Syafi'i, wakaf yang dibuat secara muaqqat bagi kategori yang menyamai pembebasan hamba (ما يضاھي التحریر) (مما) يشبه محریر الرقاب seperti untuk masjid, tujuan perkuburan dan untuk benteng/kubu pertahanan (*al-ribat*) adalah sah selama-lamanya di mana sekatan had masa yang dibuat adalah batal.²⁷ Dalam pembebasan hamba, jika ia dibebaskan secara bertempoh seperti setahun, maka pembebasan itu dikira sah selama-lamanya di mana sekatan had masa yang dibuat tidak terpakai.²⁸

Selain itu, jika suatu wakaf dibuat secara bertempoh untuk pihak (*jihah*) (جهة) yang umum, yang bukan dibuat untuk orang-orang tertentu yang khusus (iaitu kategori غير المعین) seperti fakir miskin, wakaf untuk manfaat masjid dan sebagainya maka ia memakai hukum yang sama sebagaimana di atas di mana wakafnya adalah sah manakala syarat tempoh tersebut menjadi batal. Kategori ini merupakan wakaf yang tidak disyaratkan *qabul* (penerimaan) yang juga adalah sebahagian daripada kategori wakaf yang menyamai pembebasan hamba yang disebutkan di atas.²⁹

PANDANGAN HUKUM & PELAKSANAAN WAKAF MUAQQAT

Dalam konteks pemakaian masakini, keesahan dan takat yang dibenarkan untuk pelaksanaan wakaf muaqqat adalah tertakluk kepada undang-undang yang berkuatkuasa, selain fatwa peringkat negeri yang diputuskan.³⁰ Undang-undang dan fatwa juga boleh sama ada

²⁷ Dr Mustafa Al-Khinn, Dr Mustafa Al-Bugha & 'Ali Al-Sharbaji, *opcit.*, h.230; Abī Bakr 'Uthmān b. Muḥammad Shattā al-Dimyātī al-Bakrī, *Hāshiyat I'ānat al-Ṭālibīn 'alā Hall Alfāz Faṭḥ al-Mu'īn*, Juz 3 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1995), 279–280; Muḥammad al-Shirbīnī al-Khaṭīb, *Al-Iqnā' fi Hall Alfāz Abī Shujā'*, Juz 2 (ttp: Dār al-Fikr, n.d.), 83.

²⁸ Sulaymān al-Bujayrimī, *Hāshiyah al-Bujayrimī 'alā al-Khaṭīb*, Jilid 3, cetakan akhir (Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh, n.d.), 210.

²⁹ Lihat misalnya Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn Yaḥyā b. Sharaf al-Nawawī, *Rawḍah al-Ṭālibīn wa 'Umdat al-Muṭṭin*, Jil. 2 (Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, 2006), 598-599; Shihāb al-Dīn al-Qalyūbī dan 'Umayrah al-Qalyūbī, *Al-Qalyūbī wa 'Umayrah*, Juz 3 (Miṣr: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, n.d.), 101–102; Muḥammad 'Ubayd al-Kubaysī, *Aḥkām al-Waqf al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, Juz. 1 (Baghdād: Maṭba'ah al-Irshād, 1977), 238.

³⁰ Lihat misalnya penditilan Jadual 1 yang menjelaskan sekatan wakaf muaqqat daripada terpakai kepada pembinaan masjid dan surau, tanah

membenarkan atau tidak membenarkan wakaf muaqqat dilaksanakan. Ini kerana kedua-duanya merupakan autoriti rujukan dan pemutus dalam menyelesaikan kepelbagaian pandangan fuqaha yang dinyatakan tadi.

Kebenaran melaksanakan wakaf muaqqat perlu dibaca bersama dengan pengecualian hukum yang disebutkan tadi khususnya melibatkan wakaf masjid dan perkuburan serta lainnya mengikut kesesuaian dan pertimbangan pihak berautoriti negeri. Penjelasan berikutnya akan mengupas secara terperinci peruntukan undang-undang berkaitan wakaf muaqqat di negeri-negeri di Malaysia. Pada kebiasaannya, rujukan kepada fatwa negeri akan dibuat terlebih dahulu sebelum undang-undang dimuktamadkan bagi memastikan keputusan yang dibuat selaras dengan maqasid syariah dan keperluan semasa serta terhindar daripada kemudaratan.

KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG MASAKINI YANG MENYOKONG WAKAF MUAQQAT

Walaupun wakaf muaqqat mempunyai kedudukannya tersendiri dalam perbahasan fuqaha, namun dalam konteks perundangan di Malaysia, terdapat negeri yang telah mengkanunkannya dalam undang-undang berkaitan wakaf di negeri-negeri. Kupasan akan melibatkan statut khusus wakaf dan juga statut Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri. Kedudukan undang-undang tersebut dapat dijelaskan dalam kupasan dan jadual-jadual berikut bersama keterangannya.

Negeri Yang Membenarkan Wakaf Muaqqat Secara Nyata atau Eksplisit

Terdapat sebahagian negeri yang secara nyata atau eksplisit mengiktiraf kewujudan wakaf muaqqat di dalam undang-undang mereka. Peruntukan jelas yang dikanunkan memaparkan keesahan wakaf muaqqat dilaksanakan di negeri-negeri tersebut sebagaimana yang ditunjukkan dan dikupas dalam Jadual 1 di bawah.

perkuburan serta tujuan yang dilihat tidak sesuai oleh Nazir Wakaf di Wilayah-Wilayah Persekutuan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali ke-151 yang diadakan pada 3-5 November 2022 di Hotel Grand Lexis, Port Dickson.

Jadual 1: Negeri Yang Membenarkan Wakaf Muaqqat Secara Nyata atau Eksplisit

Negeri & Statut	Peruntukan Utama	Keterangan
<u>Wilayah-Wilayah Persekutuan</u>		
Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Wakaf) 2025 (P.U.(A) 445)	Kaedah 24: Wakaf <i>Muaqqat</i> . “ <i>Seseorang waqif boleh mewujudkan suatu wakaf muaqqat bagi hartanya secara sementara mengikut Hukum Syarak</i> ”.	Kaedah 24 dalam Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Wakaf) 2025 ini jelas membenarkan wakaf <i>muaqqat</i> dilaksanakan di Wilayah-Wilayah Persekutuan. Legaliti wakaf <i>muaqqat</i> dalam Kaedah 24 di atas juga disokong dengan peruntukan Seksyen 2(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2025 (Akta A1749) ³¹ yang mengadakan tafsiran wakaf 'am dan wakaf khas di mana tafsiran dibuat secara umum tanpa sebutan “berkekalan” sebagaimana berikut: “ <i>wakaf 'am</i> ” ertinya wakaf bagi maksud kebajikan umum mengikut Hukum Syarak;” dan “ <i>wakaf khas</i> ” ertinya wakaf bagi maksud kebajikan tertentu atau bagi pihak tertentu mengikut Hukum Syarak;”.

³¹ Akta A1741 ini merupakan suatu Akta yang meminda Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).

Sebelum pindaan dibuat dalam Akta A1749, pernyataan “berkekalan” ada diperuntukkan di dalam tafsiran wakaf am dan wakaf khas di bawah Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).³² Pindaan Akta A1749 pada tahun 2025 telah memansuhkannya. Pemansuhan ini menunjukkan pengiktirafan wakaf *muaqqat* untuk diterimapakai di Wilayah-Wilayah Persekutuan. Wakaf *muabbad* pula boleh terus dilaksanakan.

Dari sudut pelaksanaan Kaedah 24 tersebut, ianya perlu dibaca bersama dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali ke-151 yang diadakan pada 3-5 November 2025 di Hotel Grand Lexis, Port Dickson.

Ini dapat dilihat contohnya dalam pemakaian pernyataan “mengikut Hukum Syarak” dalam

³² Tafsiran wakaf ‘am dan wakaf khas dalam Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505) yang ada menyatakan keperluan berkekalan adalah sebagaimana berikut:
“wakaf ‘am” ertinya wakaf yang berkekalan atas modal dan pendapatan daripada harta bagi maksud-maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh Hukum Syarak, dan harta yang diwakafkan sedemikian;
“wakaf khas” ertinya wakaf yang berkekalan atau bagi suatu tempoh terhadap atas modal harta bagi maksud-maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh Hukum Syarak, dan harta yang diwakafkan sedemikian, yang pendapatan daripadanya diberikan kepada orang-orang atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam wakaf itu;”.

Kaedah 24 tersebut yang antara lain memberi maksud apa-apa pelaksanaan wakaf muaqqat hendaklah akur dengan ketetapan Hukum Syarak, termasuklah yang diputuskan oleh fatwa 2025 yang disebutkan tadi. Fatwa ini antara lain memutuskan :

“Wakaf Muaqqat tidak terpakai bagi tujuan pembinaan masjid dan surau, tanah perkuburan serta tujuan yang dilihat tidak sesuai oleh Nazir Wakaf;”³³

Justeru, pelaksanaan wakaf muaqqat di Wilayah-Wilayah Persekutuan hendaklah mengikuti ketetapan fatwa tersebut.

Terengganu

Enakmen Wakaf Terengganu 2016 (Enakmen 1)

Seksyen 18: *Wakaf irsod, wakaf muabbad, wakaf muaqqat, wakaf musya' atau wakaf musytarak.*

- (1) "Seseorang *waqif* boleh mewujudkan suatu *wakaf irsod, wakaf muabbad, wakaf muaqqat, wakaf musya'* ke atas mana-mana atau keseluruhan hartanya.

Sebagaimana Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Wakaf) 2025 di atas, Seksyen 18(1) dan (2)(c) Enakmen Wakaf Terengganu 2016 juga jelas membenarkan wakaf *muaqqat* dilaksanakan di Terengganu. Selain itu, wakaf *muabbad* juga boleh dilaksanakan di samping *wakaf irsod, wakaf wakaf musya' atau wakaf*

³³ Cabutan Minit (Keputusan) Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali ke-151 yang diadakan pada 3-5 November 20225 di Hotel Grand Lexis, Port Dickson yang disahkan oleh Sahibus Samahah Tuan Ahmad Fauwaz bin Ali @ Fadzil, Mufti Wilayah Persekutuan Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan pada 14 November 2025.

(2) Bagi maksud *musytarak* (Seksyen
seksyen ini— 18(2)(a),(b),(d), dan (e)).

(a) “wakaf
irsod”
ertinya
penyerahan
mana-mana
tanah sebagai
wakaf oleh
kerajaan,
baitulmal
atau mana-
mana
perbadanan,
institusi,
organisasi
atau badan-
badan lain
menurut
Hukum
Syarak;

(b) “wakaf
muabbad” ertinya
suatu penyerahan
sebagai wakaf
yang berkekalan;

(c) “wakaf
muaqqat” ertinya
sesuatu
penyerahan wakaf
untuk suatu
tempoh tertentu.

(d) “wakaf *musya’*
” ertinya suatu
penyerahan
sebagai wakaf
apa-apa hak ke
atas mana-mana
harta yang
dimiliki bersama
dan tidak dipecah
bahagi; dan

(e) “wakaf
musytarak”
ertinya penyatuan
beberapa wakaf
termasuklah
mana-mana wakaf

yang diwujudkan
melalui istibdal
dan syer wakaf.”

Sumber: Kajian penulis.

Negeri Yang Mempunyai Peruntukan Wakaf Muaqqat Dalam Tafsiran Wakaf Khas

Terdapat negeri seperti di Sarawak yang memperuntukkan wakaf muaqqat dalam tafsiran wakaf khas sebagaimana Jadual 2 di bawah. Wakaf khas adalah suatu wakaf untuk tujuan tertentu atau orang (atau pihak) tertentu yang menjadi benefisiari wakaf mengikut ketetapan pewakaf.

Jadual 2: Negeri Yang Mempunyai Peruntukan Wakaf Muaqqat Dalam Tafsiran Wakaf Khas

Negeri & Statut*	Peruntukan Utama	Keterangan
<u>Sarawak</u>		
Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 (Bab 41)	Seksyen 2(1) Tafsiran. "wakaf khas" ertinya suatu wakaf yang berkekalan, atau bagi suatu tempoh tertentu, atas harta modal bagi maksud-maksud agama atau khairat yang diiktiraf oleh Undang-Undang Islam dan harta yang diwakafkan sedemikian, yang manfaat dan faedah daripadanya diberikan kepada orang-orang tertentu atau bagi maksud-maksud yang ditetapkan dalam wakaf itu;"	Ordinan ini membenarkan wakaf khas dibuat sama ada secara kekal atau bertempoh (muaqqat) di Sarawak. *Mana-mana negeri lain yang mempunyai peruntukan yang sama/hampir sama dengan Ordinan ini, maka implikasi perundangan yang sama juga akan terpakai.

Sumber: Kajian penulis.

Negeri Yang Mempunyai Peruntukan Wakaf Muaqqat Untuk Kategori Wakaf Keluarga & Wakaf Kebajikan

Di Johor menerusi Kaedah-Kaedah Wakaf 1983 (J.P.U.51.), peruntukan dibuat bahawa wakaf muaqqat boleh dibuat melibatkan wakaf keluarga yang juga dikenali sebagai wakaf ahli atau wakaf zurri. Wakaf muaqqat juga boleh dibuat bagi wakaf berbentuk kebajikan atau dikenali juga sebagai wakaf khairi. Ditil kupasan mengenainya adalah sebagaimana dalam Jadual 3 di bawah ini.

Jadual 3: Negeri Yang Mempunyai Peruntukan Wakaf Muaqqat Untuk Kategori Wakaf Keluarga & Wakaf Kebajikan

Negeri & Statut	Peruntukan Utama	Keterangan
<u>Johor</u>		
Kaedah-Kaedah Wakaf 1983 (J.P.U.51.)	Kaedah 17. <i>Wakaf Muabbad dan Wakaf Muaqqat. “Wakaf masjid dan wakaf kerana masjid³⁴ adalah muabbad dan wakaf yang lain daripada masjid dan kerana masjid dan wakaf yang lain daripada wakaf ahli harus muabbad dan harus muaqqat dan sekiranya diitlakkan maka wakaf itu menjadi muabbad ataupun wakaf ahli adalah muaqqat yang tidak lebih masanya dari 60 tahun dari tarikh mati wakif atau dua keturunan tidak termasuk wakif.”</i>	Kaedah-Kaedah Wakaf 1983 Johor ini adalah menyamai peruntukan dalam Qanun Al-Waqf Mesir 1946.³⁵ Kaedah-Kaedah ini memperuntukkan bahawa hanya wakaf daripada kategori-kategori tertentu sahaja yang perlu dibuat secara muaqqat. Ia melibatkan wakaf ahli atau wakaf keluarga mengikut tempoh yang dinyatakan dalam Kaedah 17 tersebut, iaitu tidak boleh melebihi 60 tahun dari tarikh kematian wakif (wakif iaitu pewakaf) atau terhad kepada 2 keturunan sahaja tidak termasuk wakif. Wakaf masjid dan wakaf kerana masjid (wakaf manfaat masjid) telah ditetapkan perlu dibuat secara <i>muabbad</i> atau kekal. Manakala wakaf kebajikan lain selain daripada wakaf masjid dan wakaf kerana masjid serta wakaf ahli atau wakaf keluarga, boleh dibuat sama ada secara kekal (muabbad) ataupun muaqqat.

Sumber: Kajian penulis.

Meskipun peruntukan Kaedah 17 Kaedah-Kaedah Wakaf 1983 Johor membenarkan Wakaf Keluarga & Wakaf Kebajikan dibuat secara

³⁴ “wakaf kerana masjid” bermaksud wakaf manfaat masjid.

³⁵ No. 48 tahun 1946, lihat dalam Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Waṣāyā wa al-Waqf fī al-Fiqh al-Islāmī* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1987), 205.

muaqqat, namun ianya didapati bertentangan dengan peruntukan Seksyen 2(1) (Tafsiran) dalam enakmen ibu, iaitu Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (Enakmen 16/2003) yang merujuk wakaf sebagai suatu pemberian atau serahan harta yang berkekalan sebagaimana berikut:

“wakaf” ertinya pemberian yang berkekalan di atas harta atau sebahagian daripadanya oleh tuannya harta itu bagi maksud agama mengikut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208];”

Justeru adalah wajar ketidakselarasan ini diteliti semula supaya pindaan yang perlu dapat dibuat bagi menjelaskan kedudukan sebenar pegangan negeri ini dalam membenarkan wakaf muaqqat dilaksanakan. Ia juga dapat mengelakkan kekeliruan di pihak pelaksana serta masyarakat.

Negeri Yang Mengiktiraf Wakaf Muaqqat Secara Implisit Melalui Jenis Harta Tak Kekal Yang Boleh Diwakafkan

Terdapat negeri-negeri yang secara tak langsung mengiktiraf kewujudan wakaf muaqqat di dalam undang-undang mereka melalui jenis-jenis harta bersifat sementara dan tidak kekal yang diwakafkan, seperti mewakafkan manfaat³⁶ suatu harta dan sumbangan kepakaran atau perkhidmatan,³⁷ wakaf saham daripada dividen pelaburan yang diterima dan wakaf hasil premis dan hasil pertanian atas tanah yang dimiliki, disewa atau dipajak pewakaf. Contoh jenis-jenis harta tersebut dan keterangannya dapat dilihat dalam Jadual 4 di bawah.

³⁶ Lihat contoh-contoh yang dikemukakan dalam Moath Alnaief, Kotb Rissouni, Reda Ibrahim Abdelgalil, dan Maryam Almansoori, “New Issues in Temporary Muslim Endowments (Waqfs),” *ISRA International Journal of Islamic Finance (IJIF)* 16(1), (2024): 136–152.

³⁷ Moath Alnaief, Kotb Rissouni, Reda Ibrahim Abdelgalil, dan Maryam Almansoori, “New Issues in Temporary Muslim Endowments (Waqfs), (2024).

Jadual 4: Negeri Yang Mengiktiraf Wakaf Muaqqat Secara Implisit Melalui Jenis Harta Tak Kekal Yang Boleh Diwakafkan

Contoh Negeri & Statut*	Peruntukan Utama	Keterangan
<u>Contoh Selangor</u>		
Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15)	Seksyen 2(1) Tafsiran. <i>“wakaf” ertinya-</i> <i>(a) menyerahkan hak milik apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau kepentingannya;</i> <i>(b) menyerahkan manfaat atau kepentingan yang boleh dinikmati daripada apa-apa harta; atau</i> <i>(c) menyumbangkan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati manfaat atau kepentingannya,</i> <i>sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas, menurut Hukum Syarak, tetapi tidak termasuk amanah yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208];”</i>	Seksyen 2(1)(b): Manfaat sebagai <i>mawquf</i> (harta yang diwakafkan): Manfaat adalah komponen harta tak kekal. Justeru, pengiktirafan manfaat sebagai suatu harta yang boleh diwakafkan menunjukkan bahawa wakaf muaqqat boleh dibenarkan. Contohnya seorang yang menyewa bangunan untuk suatu tempoh dan dia mewakafkan (manfaat) bangunan tersebut dalam tempoh berkenaan atau sebahagian daripadanya untuk suatu tujuan/benefisiari. Jadi, wakaf yang dibuat tidak bersifat kekal kerana ia hanya akan beroperasi dalam tempoh sewaan tersebut sahaja. Seksyen 2(1)(c): sumbangan kepakaran atau perkhidmatan sebagai <i>mawquf</i>: Secara <i>naturenya</i>, sumbangan kepakaran atau perkhidmatan

berlaku dalam sesuatu tempoh tertentu. Justeru, ianya juga menyokong wakaf muaqqat sebagaimana yang berlaku kepada manfaat sebagai suatu harta yang boleh diwakafkan di atas. Contohnya seorang Pensyarah menjalankan tugas pengajarannya pada semester 1 secara percuma dan dia mewakafkan kepakaran/perkhidmatan itu tanpa bayaran. Begitu juga seorang doktor perubatan merawat pesakit secara percuma dalam suatu tempoh dan dia mewakafkan kepakaran/perkhidmatannya tanpa bayaran dalam waktu tersebut.

*Mana-mana negeri lain yang mempunyai jenis dan *nature* harta yang tidak kekal atau bertempoh seperti peruntukan undang-undang ini, maka implikasi perundangan yang sama juga akan terpakai.

Seksyen 23: Wakaf Saham.	Sebagaimana penjelasan manfaat harta yang boleh diwakafkan di atas tadi, manfaat yang dinyatakan di bawah Seksyen 23(b) juga boleh diwakafkan. Ianya melibatkan dividen atau manfaat yang terhasil daripada unit saham, bon, sukuk atau surat cara lain yang mempunyai nilai kewangan daripada pelaburan yang sah mengikut hukum syarak. Kesemua harta ini bersifat sementara atau bertempoh dan menyokong wakaf muaqqat.
“(1) Perbadanan boleh menerima- (a) saham, bon, sukuk atau surat cara lain bagi jaminan berharga; dan (b) manfaat daripada unit saham, bon, sukuk atau surat cara lain bagi jaminan berharga tersebut, yang diwakafkan oleh mana-mana orang, pertubuhan atau institusi dengan syarat bahawa perniagaan atau pelaburan yang dijalankan selaras dengan Hukum Syarak. (2) Mana-mana harta yang diperoleh atau dibangunkan daripada hasil jualan saham, bon, sukuk atau surat cara lain bagi jaminan berharga di bawah perenggan (1)(a) hendaklah menjadi suatu mawquf.”	*Mana-mana negeri lain yang mempunyai jenis dan <i>nature</i> harta yang tidak kekal atau bertempoh seperti peruntukan undang-undang ini, maka implikasi perundangan yang sama juga akan terpakai.
Seksyen 24: Wakaf hasil premis dan hasil pertanian atas tanah yang dimiliki, disewa atau dipajak. “Seseorang waqif boleh mewakafkan- (a) hasil sewaan atau pajakan mana-mana premis yang dimilikinya; (b) hasil sewaan atau pajakan mana-mana premis yang dimilikinya di atas mana-mana tanah	Sebagaimana jenis-jenis harta di atas yang tempoh atau <i>nature</i> hartanya tidak bersifat kekal, begitu jugalah harta-harta yang diperuntukkan di bawah Seksyen 24 ini. Perwakafan hasil sewaan atau pajakan premis yang dimiliki pewakaf, hasil sewaan atau pajakan premis yang dimiliki pewakaf

<i>yang disewa atau dipajak olehnya; atau</i> <i>(c) apa-apa hasil pertanian, perladangan, penternakan atau sebagainya yang diperoleh daripada tanah yang dimiliki, disewa atau dipajak olehnya.”</i>	secara sewaan atau pajakan ataupun, apa-apa hasil pertanian, perladangan, penternakan atau sebagainya yang diperoleh daripada tanah yang dimiliki, disewa atau dipajak oleh pewakaf, kesemuanya ini bersifat sementara dan bertempoh seperti 5 tahun, 10 tahun dan sebagainya mengikut kehendak dan pilihan pewakaf. Justeru jenis-jenis harta di bawah Seksyen 24 ini juga menyokong wakaf muaqqat. *Mana-mana negeri lain yang mempunyai jenis dan <i>nature</i> harta yang tidak kekal atau bertempoh seperti peruntukan undang-undang ini, maka implikasi perundangan yang sama juga akan terpakai.
---	---

Sumber: Kajian penulis.

Negeri Pahang melalui Enakmen Wakaf Pahang 2022 (Enakmen 29) turut mengiktiraf wakaf manfaat atau hasil dari harta yang dimiliki pewakaf serta yang disewa atau dipajak olehnya yang mana ianya menunjukkan pengiktirafan wakaf muaqqat. Peruntukan ini dapat dilihat dalam Seksyen 25 di bawah:

Seksyen 25: Wakaf hasil atau manfaat dari mawquf yang dimiliki, disewa atau dipajak

“Seorang waqif boleh mewakafkan hasil atau manfaat dari pemilikan, pegangan, hak, faedah, keuntungan termasuk

tetapi tidak terhad kepada konsesi, lesen, permit, sewaan, pajakan, syer atau lombong.”

Walaubagaimanapun didapati tafsiran wakaf yang dibuat dalam Seksyen 2(1) enakmen ini memperuntukkan wakaf perlu dibuat secara kekal sebagaimana berikut:

“wakaf” ertinya menyerahkan secara kekal sebagai hak Allah apa-apa harta, manfaat, hasil, faedah, keuntungan atau kepentingan menurut Hukum Syarak;”

Penulis berpandangan ada kemungkinan Negeri Pahang menggunakan prinsip “*al-dawām al-nisbī*” (الدوام النسبي) yang diterima dalam prinsip wakaf, iaitu kekal secara relatif di mana meskipun suatu *mawqūf* hanya dapat dimanfaatkan secara kekal dalam suatu tempoh secara relatif (*relative permanence*) dan bukannya kekal selamanya (*al-dawām al-abadi*) (الدوام الأبدی),³⁸ wakaf tersebut adalah sah selagimana *mawqūf* telah ada menghasilkan manfaat dalam tempoh (*al-dawām al-nisbī*) tersebut. Pada pandangan penulis, pemakaian prinsip ini boleh dihubungkan dengan keesahan wakaf tanah berstatus pajakan (*leasehold title*) ataupun hak milik terhad sebagaimana diluluskan oleh fatwa di Malaysia.³⁹

³⁸ Muṣṭafā al-Khinn, Muṣṭafā al-Bughā, dan ‘Alī al-Sharbajī, *Al-Fiqh al-Manhajī ‘alā Mazhab al-Imām al-Shāfi’ī*, Juz 2, cetakan keenam (Dimashq: Dār al-Qalam, 2005), 220.

³⁹ Lihat contohnya Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-65 yang bersidang pada 13 Oktober 2004 (Himpunan Fatwa Berkaitan Wakaf, <https://www.jawhar.gov.my/wp-content/uploads/2021/10/2.-HUKUM-DAN-FATWA-WAKAF.pdf>; Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2016 yang bersidang pada 8-9 Jun 2016. Fatwa Pulau Pinang yang diputuskan tersebut menerima keesahan wakaf kategori ini di bawah status wakaf muaqqat (Status Keesahan Mewakafkan Tanah Berstatus Pajakan, http://efatwa.penang.gov.my/fatwa_details.php?fatwaid=896; Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 08/2019 yang bersidang pada 31 Oktober 2019 bersamaan 3 Rabi’ al-Awal 1441H. Fatwa Negeri Sembilan ini telah bersetuju menerima keesahan wakaf berstatus *leasehold title* ataupun hak milik ini namun memutuskan supaya ia “hendaklah di ta’bidkan (dikekalkan) menurut Mazhab Syafi’i” (Wakaf bagi tanah bertaraf “hak milik terhad” <https://muftins.gov.my/fatwa/wakaf-bagi-tanah-bertaraf-hak-milik-terhad/>).

Negeri Yang Mempunyai Tafsiran Wakaf Secara Umum Yang Boleh Membawa Maksud Wakaf Muaqqat Dibenarkan Secara Implisit

Terdapat sebahagian negeri seperti Selangor yang mempunyai tafsiran wakaf, wakaf am dan wakaf khas secara umum yang boleh menunjukkan kebenaran melaksanakan wakaf muaqqat di negeri tersebut. Ianya adalah difahami secara implisit apabila tiada perkataan berkekalan atau yang seumpama dengannya dimasukkan ke dalam tafsiran-tafsiran tersebut. Bagi Negeri Selangor, situasinya adalah unik kerana rumusan tadi dapat disimpulkan berdasarkan pengalaman sebenar penulis yang terlibat dalam penggubalan undang-undang wakaf berkenaan, iaitu Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15). Lihat Jadual 5 di bawah untuk ditil kupasannya.

Jadual 5: Negeri Yang Mempunyai Tafsiran Wakaf Secara Umum Yang Boleh Membawa Maksud Wakaf Muaqqat Dibenarkan Secara Implisit

Contoh Negeri & Statut*	Peruntukan Utama	Keterangan
<u>Selangor</u>		
Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15)	Seksyen 2(1) Tafsiran. <i>“wakaf” ertinya-</i> <i>(a) menyerahkan hak milik apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau kepentingannya;</i> <i>(b) menyerahkan manfaat atau kepentingan yang boleh dinikmati daripada apa-apa harta; atau</i> <i>(c) menyumbangkan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati</i>	Enakmen 2015 ini tidak memperuntukkan perkataan kekal atau bertempoh (muaqqat) di dalam tafsiran wakaf yang dibuat. Ianya dibuat secara umum sahaja. Tujuan penggubalan secara umum ini adalah supaya wakaf di Selangor dapat diperluaskan bukan sahaja kepada wakaf kekal, namun wakaf muaqqat juga boleh dibenarkan.⁴⁰

⁴⁰ Tujuan ini diambilkira semasa penggubalan Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 dibuat. Penulis terlibat secara langsung dalam penggubalan ini semasa menganggotai Jawatankuasa Undang-Undang Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ketika itu.

	<i>manfaat atau kepentingannya, sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas, menurut Hukum Syarak, tetapi tidak termasuk amanah yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208];”</i>	<i>*Mana-mana negeri lain yang mempunyai peruntukan yang sama/hampir sama dengan undang-undang ini, maka implikasi perundangan yang sama juga akan terpakai.</i>
	<i>“wakaf am” ertinya apa-apa mawquf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan umum menurut Hukum Syarak;</i>	
	<i>“wakaf khas” ertinya apa-apa mawquf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan atau pihak yang khusus menurut Hukum Syarak;</i>	
<u>Pulau Pinang</u>		
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (Enakmen 4/2004)	Seksyen 2(1) Tafsiran. <i>“wakaf” ertinya apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan khairat sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang</i>	Bagi Pulau Pinang, peruntukan umum bagi wakaf, wakaf, wakaf am dan wakaf khas yang dibuat secara umum juga memakai implikasi hukum yang sama seperti Negeri Selangor di atas. <i>*Mana-mana negeri lain yang mempunyai peruntukan yang</i>

<i>ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208];</i>	sama/hampir sama dengan undang-undang ini, maka implikasi perundangan yang sama juga akan terpakai.
<i>“wakaf am” ertinya sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan khairat umum menurut Hukum Syarak;</i>	
<i>“wakaf khas” ertinya sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan khairat khusus menurut Hukum Syarak.</i>	

Perlis

Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006, Perlis (Enakmen 4)	Seksyen 2(1) Tafsiran. <i>“wakaf” ertinya apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan khairat sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208];</i>	Sama seperti Pulau Pinang dan Selangor, Negeri Perlis pun mempunyai peruntukan yang sama dalam tafsiran wakafnya. Justeru, implikasi hukum yang sama juga adalah terpakai.
	<i>“wakaf am” ertinya sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan khairat umum menurut Hukum Syarak;</i>	*Mana-mana negeri lain yang mempunyai peruntukan yang sama/hampir sama dengan undang-undang ini, maka implikasi perundangan yang sama juga akan terpakai.

*“wakaf khas” ertinya
sesuatu wakaf yang
diwujudkan bagi
tujuan khairat khusus
menurut Hukum
Syarak.*

Sumber: Kajian penulis.

Penulis berpandangan bahawa penerimaan wakaf muaqqat secara implisit sebagaimana yang terdapat dalam tafsiran wakaf, wakaf am dan wakaf khas yang dibuat secara umum seperti dalam Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 di atas wajar disokong dengan fatwa yang membenarkannya. Ini supaya keesahannya menjadi lebih jelas dan meyakinkan pihak pelaksana dalam merealisasikan. Perlis, misalnya telah mengadakan fatwa yang menyokong wakaf muaqqat yang diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke-75/2025 Pada 25-26 Ogos 2025. Fatwa Ini telah diperakukan dalam Persidangan Mesyuarat Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Perlis Bil 5 / 2025 Pada 2 Oktober 2025. Sandaran telah dibuat kepada Mazhab Maliki.⁴¹

Perlu dinyatakan di sini bahawa, terdapat negeri yang mempunyai peruntukan umum sebagaimana Negeri Selangor, Pulau Pinang dan Perlis di atas seperti di Sabah dan Melaka, namun kesimpulan tidak boleh terus dibuat bahawa wakaf muaqqat dibenarkan. Ini kerana semakin lanjut dalam undang-undang negeri berkenaan menemukan peruntukan secara spesifik berkaitan kategori harta yang boleh diwakafkan di mana wakaf muaqqat tidak termasuk di dalamnya.

Pernyataan di atas dapat dilihat dalam Jadual 6 berikut:

Jadual 6: Negeri Yang Mempunyai Tafsiran Wakaf Umum Namun
Wakaf Muaqqat Tidak Termasuk Dalam Kategori Harta
Yang Boleh Diwakafkan

⁴¹ Lihat dalam Jabatan Mufti Negeri Perlis, <https://muftiperlis.gov.my/index.php/en/himpunan-fatwa-negeri/1264-wakaf-bertempoh-mu-aqqat>.

Contoh Negeri & Statut*	Peruntukan Utama	Keterangan
Melaka		
Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (Enakmen 5)	Seksyen 2(1) Tafsiran. <i>“wakaf” ertinya menyerahkan apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat atau faedahnya untuk apa-apa tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas menurut Hukum Syarak tetapi tidak termasuk amanah sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208];”</i> <i>“wakaf am” ertinya sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan umum menurut Hukum Syarak;</i> <i>“wakaf khas” ertinya sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan yang khusus menurut Hukum Syarak;</i>	Meskipun tafsiran wakaf dalam Seksyen 2(1) Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 ini dibuat secara umum seperti Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 dan Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 Perlis dalam Jadual 5 di atas, namun peruntukan Seksyen 9 Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (lihat di bawah) telah menunjukkan bahawa wakaf muaqqat tidak diiktiraf dalam kategori wakaf yang boleh diwujudkan. Ini berbeza dengan ketiga-tiga enakmen tadi di mana peruntukan seumpama Seksyen 9 Melaka tidak diadakan.⁴² Seksyen 9. <i>Wakaf irsod, muabbad, musyak atau musytarak:</i> <i>“(1) Seorang waqif boleh mewujudkan wakaf irsod, muabbad, musyak atau musytarak terhadap keseluruhan, atau sebahagian daripada harta.</i> <i>(2) Bagi maksud seksyen ini:</i> <i>(a) “wakaf irsod” ertinya wakaf daripada tanah Baitulmal, tanah kerajaan atau tanah mana-mana perbadanan, institusi, pertubuhan atau badan badan lain menurut Hukum Syarak;</i> <i>(b) “wakaf muabbad” ertinya wakaf yang berkekalan;</i> <i>(c) “wakaf musyak” ertinya mewakafkan apa-apa hak ke atas mana-mana harta yang dimiliki bersama yang tidak boleh dipecah bahagikan; dan</i> <i>(d) “wakaf musytarak” ertinya penyatuan beberapa wakaf termasuklah wakaf yang diwujudkan melalui istibdal dan saham wakaf.”</i> Adalah jelas, wakaf muaqqat tidak dimasukkan ke dalam Seksyen 9 di atas. *Mana-mana negeri lain yang mempunyai peruntukan yang sama/hampir sama dengan undang-undang ini, maka implikasi perundangan yang sama juga akan terpakai.

⁴² Sebenarnya ketiadaan seumpama Seksyen 9 ini di Selangor adalah bagi membenarkan wakaf dapat dibuat secara meluas termasuklah meliputi wakaf muaqqat. Fakta ini adalah didasarkan kepada pengalaman yang dilalui penulis sendiri semasa penggubalan Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015.

Sabah

Enakmen Wakaf (Negeri Sabah) 2018 (En. 7/2018).

Seksyen 2(1) Tafsiran.

“wakaf” ertinya-

(a) menyerahkan hak milik apa-apa harta yang boleh dinikmati manfaat, faedah atau kepentingannya;

(b) menyerahkan manfaat, faedah atau kepentingan yang boleh dinikmati daripada apa-apa harta; atau

(c) menyumbangkan kepakaran dan perkhidmatan yang boleh dinikmati manfaat atau kepentingannya,

sama ada sebagai wakaf am atau wakaf khas, menurut Hukum Syarak, tetapi tidak termasuk amanah yang ditakrifkan di bawah Akta Pemegang Amariah 1949 [Akta 208];”

“wakaf am” ertinya wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan umum menurut Hukum Syarak;”

“wakaf khas” ertinya wakaf yang diwujudkan bagi tujuan kebajikan yang khusus menurut Hukum Syarak;

Pemakaian yang sama sebagaimana dalam Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 juga berlaku contohnya di Sabah melalui Enakmen Wakaf (Negeri Sabah) 2018. Justeru, implikasi perundangan yang sama adalah terpakai.

Seksyen 17 di bawah menjelaskan kategori harta yang boleh diwakafkan di Sabah di mana wakaf muaqqat tidak dimasukkan.

Seksyen 17. *Wakaf irsod, wakaf muabbad, wakaf musyak or wakaf musytarak:*

“(1) Seseorang waqif boleh mewujudkan suatu wakaf irsod, wakaf muabbad, wakaf musyak atau wakaf musytarak ke atas mana-mana atau keseluruhan hartanya.

(2) Bagi maksud seksyen ini-

(a) “wakaf irsod” ertinya penyerahan mana-mana tanah sebagai wakaf oleh kerajaan, institusi, organisasi atau badan-badan lain menurut Hukum Syarak;

(b) “wakaf muabbad” ertinya wakaf yang berkekalan;

(c) “wakaf musyak” ertinya suatu penyerahan sebagai wakaf apa-apa hak ke atas mana-mana harta yang dimiliki bersama dan tidak dipecah bahagi; dan

(d) “wakaf musytarak” ertinya penyatuan beberapa wakaf termasuklah mana-mana wakaf yang diwujudkan melalui istibdal dan skim wakaf.”

*Mana-mana negeri lain yang mempunyai peruntukan yang sama/hampir sama dengan undang-undang ini, maka implikasi perundangan yang sama juga akan terpakai.

Sumber: Kajian penulis.

Justeru, suatu penelitian tinggi hendaklah dilakukan untuk mengenalpasti sejauhmanakah sesuatu negeri itu mengiktiraf kewujudan wakaf muaqqat dalam undang-undang mereka. Dalam konteks ini pemakaian tafsiran umum wakaf, wakaf am dan wakaf khas hendaklah dibaca bersama dengan mana-mana peruntukan lain berkaitan, khususnya mengenai kategori harta yang boleh diwakafkan supaya memastikan pelaksanaan yang dibuat adalah tepat.

CADANGAN KEPADA PIHAK BERAUTORITI

Berdasarkan kupasan artikel ini, penulis mencadangkan keperluan berikut untuk diteliti oleh pihak-pihak berautoriti negara seperti Majlis Agama Islam Negeri, Jawatankuasa Fatwa/Perundangan Hukum Syarak Negeri, Hakim Bicara, Peguam dan lain-lain yang berkenaan, iaitu:

- a) Negeri-negeri yang belum mempunyai peruntukan undang-undang mengenai wakaf muaqqat perlu mengadakannya berdasarkan banyak kebaikan yang terhasil daripadanya terutama sekali kepada pewakaf, benefisiari serta masyarakat amnya.
- b) Meneliti dan selanjutnya meminda sewajarnya peruntukan-peruntukan undang-undang yang saling bercanggah berkaitan wakaf muaqqat seperti di Johor yang disebutkan sebelum ini⁴³ supaya dapat memastikan keselarasannya bagi mengelakkan kekeliruan kepada pihak pelaksana serta masyarakat.
- c) Negeri-negeri hendaklah mengadakan fatwa khusus wakaf muaqqat supaya pelaksanaannya dapat dipandu dengan dasar hukum yang jelas lagi kompeten
- d) Polisi pelaksanaan wakaf muaqqat perlu disiapkan⁴⁴ supaya tatacara yang lengkap dapat diadakan misalnya berkaitan pendaftaran mawquf bagi harta alih dan harta tak alih. Polisi ini boleh diadakan dalam bentuk peruntukan undang-undang subsidiari seperti Peraturan 6, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Wakaf (Terengganu) 2019 (Tr. P.U. 10.).⁴⁵

⁴³ Lihat komen selepas Jadual 3.

⁴⁴ Untuk polisi melibatkan pelaporan dan perekodan *mawquf* dalam wakaf muaqqat lihat misalnya cadangan yang dikemukakan dalam Nur Athirah Badlihisham dan Mohd Fairuz Md Salleh, "Wakaf Bertempoh (Muaqqat) Satu Cadangan Pengiktirafan, Pengukuran dan Pendedahan Dalam Penyata Kewangan," *International Journal of Advanced Research*, 12(6) (2024): 28–46.

⁴⁵ Ditil pelaksanaan Peraturan 6, Peraturan-Peraturan Pendaftaran Wakaf (Terengganu) 2019 ini boleh dirujuk dalam kajian Mohd Ridzuan Mohamad dan Ahmad Azrin Adnan, "Pendanaan Wakaf Menurusi Wakaf Bertempoh (Muaqqat): Sorotan Kajian di Negeri Terengganu," *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization* 3(1), (2024): 10–20.

- e) Kesemua pemakaian undang-undang dan fatwa perlu mengambilkira hukum pengecualian wakaf muaqqat khususnya melibatkan wakaf masjid dan perkuburan serta lainnya mengikut kesesuaian dan pertimbangan pihak berautoriti negeri.
- f) Pemakaian mazhab bagi wakaf muaqqat boleh berteraskan pandangan muktamad Mazhab Maliki dan diperkuatkan dengan pandangan-pandangan Mazhab Shafi'i yang membenarkannya seperti Imam Al-Nawawi dan Abu Al-'Abbas bin Surayj sebagaimana yang disebutkan di bahagian Pandangan Fuqaha Mengenai Wakaf *Muaqqat* artikel ini.⁴⁶

KESIMPULAN

Wakaf muaqqat merupakan suatu wakaf yang sah dan boleh berkuatkuasa di Malaysia menerusi kepelbagaian dimensi pemakaian undang-undang melibatkan pendekatan tafsiran secara eksplisit dan implisit, penzahiran melalui jenis harta tak kekal yang boleh diwakafkan serta pewakafan di bawah kategori wakaf keluarga dan kebajikan serta wakaf khas, tertakluk kepada penerimaan negeri-negeri berdasarkan undang-undang dan fatwa mengenainya. Pelaksanaan wakaf muaqqat hendaklah mengambilkira pengecualian yang ditetapkan oleh Hukum Syarak mengikut kesesuaian dan pertimbangan pihak berautoriti negara. Penggubalan undang-undang berkaitan wakaf muaqqat ini wajar disegerakan berdasarkan manfaat besar yang terhasil daripadanya agar ia dapat dibuat secara sah dan kompeten. Sokongan signifikan fatwa spesifik peringkat negeri perlu diadakan supaya pelaksanaannya dapat dipandu dengan dasar hukum yang jelas dan menyakinkan. Walau apa pun pandangan fuqaha, undang-undang dan fatwa yang menyokong wakaf muaqqat, wakaf muabbad atau wakaf kekal akan sentiasa menjadi bentuk wakaf terbaik berstatuskan sedekah jariah berdasarkan kepentingan dan kelebihannya yang tiada siapa pun dapat menafikannya.

⁴⁶ Namun penulis berpandangan bahawa dalam permasalahan wakaf yang diwujudkan dulu, iaitu sebelum period penerimaan pandangan yang membenarkan wakaf muaqqat dalam undang-undang yang mengambil pandangan mazhab Maliki dan beberapa fuqaha mazhab Shafi'i yang disebutkan tadi, rujukan tepat yang perlu dijadikan sandaran autoriti bagi pelaksanaan wakaf tersebut hendaklah dibuat kepada mazhab yang diterimapakai sebagai sumber hukum yang berkuatkuasa ketika itu sebagai *law of the land*, iaitu pandangan klasik Mazhab Shafi'i yang lebih menyokong wakaf secara berkekalan sebagai wakaf yang sah.

RUJUKAN

- Abī Bakr ‘Uthmān b. Muḥammad Shattā al-Dimyātī al-Bakrī, *Hāshiyat I‘ānat al-Tālibīn ‘alā Ḥall Alfāz Faṭḥ al-Mu‘īn*, Juz 3 (Bayrūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1995)
- Abū al-Ḥasan ‘Alī ibn Muḥammad ibn Ḥabīb al-Mawārdī al-Baṣrī, *Al-Ḥawī al-Kabīr*, Jil. 7 (Bayrūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1994)
- Abū Zakariyyā Mahyiddīn Yaḥyā ibn Sharaf al-Nawāwī, *Raudhat al-Tālibīn wa ‘Umdat al-Muḥṭīn*, Jil. 2 (Bayrūt, Lubnān: Dār al-Ma‘rifah, 2006)
- Abū Zakariyyā Muḥyī al-Dīn Yaḥyā b. Sharaf al-Nawawī, *Rawḍah al-Tālibīn wa ‘Umdat al-Muḥṭīn*, Jil. 2 (Bayrūt: Dār al-Ma‘rifah, 2006)
- Burhān al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī b. Abī Bakr b. ‘Abd al-Jalīl al-Rushdānī al-Marghīnānī, *Al-Hidāyah Sharḥ Bidāyah al-Mubtadī*, edisi akhir, vol. 3 (Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlādūh, n.d.)
- Cabutan Minit (Keputusan) Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Hukum Syarak Wilayah Persekutuan Kali ke-151 yang diadakan pada 3-5 November 20225 di Hotel Grand Lexis, Port Dickson
- Fatawā Hindīyyah*, ed. ke-4, vol. 2 (Bayrūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, n.d.)
- Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, Wakaf bagi tanah bertaraf “hak milik terhad, Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil. 08/2019 yang bersidang pada 31 Oktober 2019 bersamaan 3 Rabi’ al-Awal 1441H, <https://muftins.gov.my/fatwa/wakaf-bagi-tanah-bertaraf-hak-milik-terhad/>.
- Jabatan Mufti Negeri Perlis, Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke-75/2025, 25-26 Ogos 2025, <https://muftiperlis.gov.my/index.php/en/himpunan-fatwa-negeri/1264-wakaf-bertempoh-mu-aqqat>
- JAWHAR, Himpunan Fatwa Berkaitan Wakaf, Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-65 yang bersidang pada 13 Oktober 2004,

<https://www.jawhar.gov.my/wp-content/uploads/2021/10/2.-HUKUM-DAN-FATWA-WAKAF.pdf>.

- Johari, Wahidin, Maghfirah, Zulkifli, Mawardi, & Ahmad Maulidizen, "The Role of Temporary Waqf in Improving the Social Welfare of the Muslim Community," *Journal of Ecohumanism* 3(8), (2024), 2578–2587, <https://doi.org/10.62754/joe.v3i8.4908>
- Moath Alnaief, Kotb Rissouni, Reda Ibrahim Abdelgalil, dan Maryam Almansoori, "New Issues in Temporary Muslim Endowments (Waqfs)," *ISRA International Journal of Islamic Finance (IJIF)* 16(1), (2024): 136–152, <https://doi.org/10.55188/ijif.v16iS1.735>
- Khalīl ibn Ishāq, *Mukhtaṣar Khalīl*, (ttp: ‘Abdullāh al-Yassār al-Tijānī, n.d.)
- Mohd Firdaus Abd Hamid, "Wakaf Muaqqat dalam Konteks Fiqh Kontemporari", (kertas kerja, Majlis Agama Islam Negeri Johor, Daerah Johor Bahru", 10 September 2024), https://www.researchgate.net/profile/Mohd-Abd-Hamid-3/publication/383909712_Kertas_Kerja_Wakaf_Muaqqat_dalam_Konteks_Fiqh_Kontemporari/links/66e03f28f84dd1716ce2eef7/Kertas-Kerja-Wakaf-Muaqqat-dalam-Konteks-Fiqh-Kontemporari.pdf, akses pada 30 September 2025.
- Mohd Ridzuan Mohamad dan Ahmad Azrin Adnan, "Pendanaan Wakaf Menurusi Wakaf Bertempoh (Muaqqat): Sorotan Kajian di Negeri Terengganu," *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization* 3(1), (2024): 10–20.
- Muhamad Firdaus Ab Rahman and Muhammad Amanullah, "Al-Waqf al-Mu’aqqat: Dirāsah Ta’šīliyyah Fiqhiyyah," *‘Ulūm Islāmiyyah* 21 (2017): 121–139.
- Muhamad Firdaus Ab Rahman, Hussein Azeemi Abdullah Thaidi & Zameer Najmi Azhar, "Analisis Hukum dan Fisibiliti Wakaf Muaqqat di Negeri Sembilan," *Journal of Awqaf, Zakat and Hajj (JAWHAR)*, 3(1) (2025), 58-85.
- Muḥammad Abū Zahrāh, *Muḥādarāt fī al-Waqf* (ttp: Aḥmad ‘Alī Mukhaymar, 1959)
- Muḥammad al-Shirbīnī al-Khaṭīb, *Al-Iqnā‘ fī Ḥall Alfāz Abī Shujā‘*, Juz 2 (ttp: Dār al-Fikr, n.d.)

- Muḥammad al-Zuḥaylī, *Al-Mu'tamad fī al-Fiqh al-Shāfi'ī*, Juz 3 (Dimashq: Dār al-Qalam, 2007).
- Muḥammad Amīn Ibn 'Ābidīn, *Hāshiyat Radd al-Muhtār 'alā al-Durr al-Mukhtār*, edisi kedua, vol. 4 (ttp: Dār al-Fikr, 1966)
- Muḥammad b. Aḥmad al-Mawartānī (al-Dah al-Shanqāyī), *Fath al-Rahīm 'alā Fiqh al-Imām Mālik bi al-'Adillah*, vol. 2, edisi kedua (ttp: Dār al-Fikr, 1974)
- Muhammad 'Ubayd al-Kubaysī, *Aḥkām al-Waqf fī al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, Juz. 1 (Baghdād: Maṭba'ah al-Irshād, 1977)
- Muṣṭafā al-Khinn, Muṣṭafā al-Bughā, dan 'Alī al-Sharbajī, *Al-Fiqh al-Manhajī 'alā Mazhab al-Imām al-Shāfi'ī*, Juz 2, cetakan keenam (Dimashq: Dār al-Qalam, 2005)
- Noor Ain Alin @ Nordin, Asmak Ab Rahman & Raditya Sukmana, "Aplikasi Wakaf Mu'aqqat di Malaysia: Analisis Kritikal Dari Perspektif Pembangunan Ekonomi Islam," *Jurnal Syariah*, 33(1), (2025): 1–27, <https://doi.org/10.22452/syariah.vol33no1.1>
- Nur Athirah Badlihisham dan Mohd Fairuz Md Salleh, "Wakaf Bertempoh (Muaqqat) Satu Cadangan Pengiktirafan, Pengukuran dan Pendedahan Dalam Penyata Kewangan," *International Journal of Advanced Research*, 12(6) (2024): 28–46, <https://dx.doi.org/10.21474/IJAR01/18846>
- Penang Government, Status Keesahan Mewakafkan Tanah Berstatus Pajakan, Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2016 yang bersidang pada 8-9 Jun 2016, http://efatwa.penang.gov.my/fatwa_details.php?fatwaid=896.
- Shihāb al-Dīn al-Qalyūbī dan 'Umayrah al-Qalyūbī, *Al-Qalyūbī wa 'Umayrah*, Juz 3 (Miṣr: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah, n.d.)
- Siti Mashitoh Mahamood, *Pelaksanaan Istibdal Dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia* (Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002)
- Sulaymān al-Bujayrimī, *Hāshiyat al-Bujayrimī 'alā al-Khaṭīb*, Jilid 3, cetakan akhir (Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī wa Awlāduh, n.d.).

Tanzil ur-Rahman, *A Code of Muslim Personal Law*, vol. 2, edisi pertama (Karāchī: Islamic Publishers, 1980)

Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Waṣāyā wa al-Waqf fī al-Fiqh al-Islāmī* (Dimashq: Dār al-Fikr, 1987)

‘Alā’ al-Dīn Abū al-Ḥasan ibn Sulaymān al-Mardāwī, *Al-Inṣāf* (Bayrūt, Lubnān: Dār al-Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, n.d.)

RUJUKAN STATUT

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 (Akta 505).

Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2025 (Akta A1749)

Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008 (Enakmen 10)

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003 (Enakmen 16/2003)

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 (Enakmen 4/2004)

Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Enakmen 1)

Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006, Perlis (Enakmen 4)

Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005 (Enakmen 5)

Enakmen Wakaf (Negeri Sabah) 2018 (En. 7/2018).

Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 2015 (Enakmen 15)

Enakmen Wakaf Pahang 2022 (Enakmen 29)

Enakmen Wakaf Terengganu 2016 (Enakmen 1)

Kaedah-Kaedah Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Wakaf) 2025

(P.U.(A) 445)

Kaedah-Kaedah Wakaf 1983 (J.P.U.51.)

Ordinan Majlis Islam Sarawak, 2001 (Bab 41)

Peraturan-Peraturan Pendaftaran Wakaf (Terengganu) 2019 (Tr. P.U. 10.)